

**LITERATURE REVIEW ON THE CONCEPT OF EVIDENCE BY CHILDREN UNDER 18 YEARS OLD IN SHARIAH COURT IN MALAYSIA**

**KONSEP KETERANGAN KANAK-KANAK DI BAWAH 18 TAHUN DI MAHKAMAH SYARIAH DI MALAYSIA: SATU SOROTAN LITERATUR**

Maryam Soffiyah Sallahudin<sup>i</sup> & Mohd Al Adib Samuri<sup>ii</sup>

<sup>i</sup> (*Corresponding author*). Calon Sarjana, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. P120930@siswa.ukm.edu.my

<sup>ii</sup> Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. al\_adib@ukm.edu.my

Received: 1 September 2024

Article Progress  
Revised: 20 October 2024

Accepted: 31 October 2024

<b>Abstract</b>	<p><i>The evidence provided by children is frequently debated in the Civil Court, but its implementation in Shariah Courts is not as thoroughly detailed as in the statutes governing civil law. This article aims to explore the concept of children's evidence under 18 years old in Shariah Courts in Malaysia. To achieve this, the researcher employs a qualitative study method, analyzing documents and collecting data through a review of literature from journals, articles, and books. This study emphasizes the concept of children's evidence in Shariah Courts as proof through an extensive literature review. The study shows that evidence by children can be accepted as 'bayyinah' if they are not qualified as 'syahadah' according to the provision but it is limited to certain cases as in the case of custody of the children.</i></p> <p><i>Keywords: Evidence, Child, Proof.</i></p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Keterangan kanak-kanak merupakan sesuatu yang sering dibincangkan akan penerimaannya di Mahkamah Sivil namun perlaksanaannya di dalam Mahkamah Syariah tidak diperjelaskan secara terperinci sebagaimana statut mengenai keterangan kanak-kanak di dalam perundangan sivil. Artikel ini bertujuan untuk membincangkan mengenai keterangan oleh kanak-kanak di bawah 18 tahun di Mahkamah Syariah di Malaysia. Dengan itu, pengkaji menggunakan metode kajian kualitatif iaitu menganalisis dokumen dengan pengumpulan data melalui tinjauan literatur daripada jurnal, artikel dan buku. Oleh itu, hasil kajian mendapati bahawa keterangan saksi kanak-kanak boleh diterima sebagai bayyinah sekiranya mereka tidak layak untuk diterima sebagai syahadah menurut peruntukkan undang-undang namun saksi kanak-kanak adalah terhad kepada kes-kes tertentu sahaja seperti kes hadhanah.</i></p> <p><i>Kata Kunci: Keterangan, Kanak-Kanak, Pembuktian.</i></p>

## **PENDAHULUAN**

Keterangan kanak-kanak sering menjadi pertikaian dalam penerimaannya di Mahkamah Sivil mahupun di Mahkamah Syariah. Hal ini adalah kerana isu kelayakan dan keupayaan kanak-kanak yang timbul iaitu sama ada keterangan yang diberikan adalah fakta yang benar atau salah. Sebagai contoh, di dalam Mahkamah Sivil keterangan kanak-kanak perlu disokong kerana kebarangkalian kanak-kanak tidak dapat membezakan sama ada fantasi dan realiti (Jal Zabdi, 2007).

Selain itu, di dalam kes-kes tertentu, keterangan kanak-kanak sangat diperlukan bagi membantu Hakim untuk menegakkan keadilan di Mahkamah terutamanya di Mahkamah Syariah. Sebagaimana yang dibincangkan di dalam kajian lepas, kanak-kanak merupakan sumber keterangan yang berpotensi membantu penghakiman kerana hanya kanak-kanak yang tahu darar yang berlaku seperti di dalam kes kekeluargaan (Zaini et al., 2017). Dengan itu, hak kanak-kanak untuk memberikan keterangan sebagai saksi di dalam percabaran di Mahkamah perlu diberi penekanan selaras kehendak Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Hak Kanak-Kanak (UNCRC) yang telah diratifikasi oleh Malaysia.

Rentetan itu, terdapat beberapa persoalan yang timbul mengenai konsep keterangan kanak-kanak di Mahkamah Syariah sebagai pembuktian di Mahkamah Syariah terutamanya mengenai elemen penerimaan keterangan saksi kanak-kanak sama ada sebagai bayyinah atau syahadah. Sehubungan dengan itu, artikel ini adalah bertujuan untuk mengkaji konsep keterangan kanak-kanak di dalam Mahkamah Syariah sebagai pembuktian.

## **KONSEP KANAK-KANAK**

Di dalam UNCRC yang telah diratifikasikan oleh Malaysia pada 17 Februari 1995 menjelaskan maksud kanak-kanak sebagai tiap-tiap manusia dibawah umur lapan belas tahun melainkan jika, di bawah undang-undang yang terpakai bagi kanak-kanak itu, dia mencapai umur dewasanya sebelum itu. Takrifan yang diberikan oleh Konvensyen ini adalah selaras dengan peruntukkan yang diberikan oleh Akta Kanak-Kanak 2001 di dalam Seksyen 2 (a)(b) iaitu seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun dan berhubung dengan prosiding jenayah, ertinya seseorang yang sudah mencapai umur bagi tanggungjawab jenayah sebagaimana yang ditetapkan dalam seksyen 82 Kanun Keseksaan [Akta 574]. Selain itu, Akta Umur Dewasa 1971 (Akta 21) memberi takrifan umur belum dewasa iaitu tertakluk kepada seksyen 4 (Akta 21) tersebut, umur belum dewasa bagi semua lelaki dan perempuan ialah dan adalah terhad kepada lapan belas tahun dan tiap-tiap lelaki dan perempuan yang mencapai umur itu ialah berumur dewasa di Malaysia.

Selain itu, Mohamad Ramzi Zakaria (2015) telah memetik pendapat al-Suyuti bahawa di dalam kitab fiqh Islam telah menggunakan istilah kanak-kanak lelaki iaitu *sabiy*, *ghulam* dan *saghir* serta menggunakan istilah kanak-kanak perempuan iaitu *sabiyah*, *jariyah* dan *saghirah*. Bagaimanapun, Mahkamah Syariah pula tidak menafsirkan kanak-kanak secara terperinci. Suhaizad Saifuddin (2021) juga berpendapat bahawa tiada peruntukkan yang khusus berkenaan takrif kanak-kanak di dalam perundangan Syariah. Namun di dalam sesetengah kes di Mahkamah Syariah memberi takrif kanak-kanak mengikut Akta Kanak-Kanak 2001 dan Akta Umur Dewasa 1971. Sebagaimana contoh, Mahkamah telah merujuk kepada Akta Kanak-Kanak 2001 dan Akta Umur Dewasa 1971 untuk menafsirkan kanak-kanak di dalam kes *Akmar binti Aminuddin lwn. Amanah Raya Berhad (2017)* dan *Re Mustapha bin Ismail [2009] 2 SHLR 118*.

Sebaliknya, di dalam perundangan Syariah menggunakan istilah baligh untuk merujuk kepada umur kanak-kanak sama ada telah mencapai cukup umur. Sebagaimana di dalam peruntukkan jenayah syariah negeri-negeri telah menjelaskan baligh dalam empat kategori iaitu baligh secara umum merujuk kepada sampai umur, seseorang yang telah mencapai umur 12 tahun kamariah sebagai baligh dan seseorang yang telah mencapai umur 15 tahun serta seseorang yang sudah sampai umur dikira baligh dan berakal (Anita Abdul Rahim & Wafaa' Yusof, 2012). Menurut kajian tersebut juga mendapati bahawa dalam pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang jenayah dan tatacara jenayah syariah di

setiap negeri, penggunaan istilah yang berbeza untuk merujuk kepada kanak-kanak boleh menyebabkan konflik. Dengan itu, terdapat lakuna dalam peruntukkan perundangan syariah dalam menentukan takrif kanak-kanak kerana tiada peruntukkan yang khusus berkenaan takrif kanak-kanak.

### **KONSEP KETERANGAN (*BAYYINAH*) DAN KESAKSIAN (*SYAHADAH*)**

Secara umumnya, keterangan bermaksud pengemukaan saksi, dokumen dan perkara-perkara yang boleh diterima di dalam prosiding undang-undang sebagai pembuktian (Elliot, 1980).

Undang-undang keterangan Syariah di Malaysia telah memperincikan takrif keterangan iaitu di dalam Seksyen 3 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 memberi maksud keterangan iaitu:

keterangan termasuklah (a) *bayyinah* dan *syahadah*; (b) segala pernyataan yang dibenarkan atau dikehendaki oleh mahkamah dibuat di hadapannya oleh saksi berhubung dengan perkara-perkara fakta yang disiasat; Pernyataan sedemikian disebut keterangan lisan; (c) segala dokumen yang dikemukakan bagi pemeriksaan mahkamah; Dokumen sedemikian disebut keterangan dokumentar.

Selain itu, di dalam Seksyen 2 akta tersebut juga menjelaskan maksud *bayyinah* iaitu:

keterangan yang membuktikan sesuatu hak atau kepentingan dan termasuklah *qarinah*.

Sehubungan dengan itu juga, maksud *syahadah* di dalam Seksyen 2 akta tersebut juga memberi maksud *syahadah* iaitu:

apa-apa keterangan yang diberikan di Mahkamah dengan menggunakan lafaz "*asyhadu*" untuk membuktikan suatu hak atau kepentingan.

Di dalam kajian Wan Abdul Fattah Wan Ismail dan Zulfakar Ramlee (2021) menyatakan bahawa maksud keterangan di dalam perundangan Sivil dan Syariah di Malaysia adalah hampir sama dengan maksud *bayyinah* menurut fiqh apabila dibandingkan kerana tiada had pengemukaan sesuatu bentuk dalam pembuktian. Dengan itu, kesaksian (*al-syahadah*) saksi-saksi yang tidak memenuhi syarat di dalam Mahkamah Syariah dapat dibuka ruang akan penerimaannya kerana penggunaan konsep *bayyinah* yang merujuk kepada pandangan Ibnu Qayyim al-Jawziyyah (Azizah Mohd Rapini, 2021). Sehubungan dengan itu, kesaksian (*al-syahadah*) adalah sebahagian daripada *bayyinah* kerana sebagaimana pendapat Siti Zalikah Md. Nor (2019) yang menyatakan bahawa sesuatu kata-kata penjelasan daripada saksi dapat menyebabkan keraguan dihilangkan. Oleh itu, konsep *bayyinah* adalah suatu pembuktian yang lebih luas konsepnya yang tidak tertakluk hanya kepada *al-syahadah* dan *iqrar* dapat membantu para hakim membuat penghakiman yang adil dan dapat menegakkan kebenaran. Selain itu juga, prinsip *bayyinah* menjadi panduan pengamal undang-undang di dalam Mahkamah Syariah memandangkan pemilihan untuk membawa saksi yang tidak memenuhi *syahadah* adalah terbuka dan diterima oleh pengamal undang-undang (Azizah Mohd Rapini, 2017).

Kesaksian (*al-syahadah*) bermaksud pemberitahuan tentang sesuatu hak atau kepentingan bagi orang lain dengan menggunakan lafaz *asyhadu* yang bermaksud "aku bersaksi" menurut pandangan Abd al-Muthalib Abd Razak Hamdan (2007). Manakala syarat-syarat kelayakan saksi telah diperuntukkan di dalam akta dan enakmen-enakmen keterangan syariah negeri sebagaimana di dalam Seksyen 83 (1) Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 mengatakan bahawa

Tertakluk kepada peruntukan seksyen ini, semua orang Islam adalah kompeten untuk memberikan *syahadah* atau *bayyinah* sebagai saksi dengan syarat bahawa mereka adalah '*aqil, baligh, 'adil*, mempunyai ingatan yang baik dan tidak berprasangka.

Sementara itu, merujuk kajian oleh Ruzman Md Noor (2007) menyatakan syarat-syarat kelayakan saksi menurut pandangan Imam al-Nawawi ialah seseorang yang beragama Islam, merdeka, mukallaf, adil, menjaga maruah dan tidak ada tohmahan dan syarat yang diterima secara *Ijma'* ulama adalah Islam, baligh dan berakal menurut pandangan al-Ramli. Selain itu, bilangan saksi yang diperlukan adalah sebagaimana statut iaitu di dalam Seksyen 86 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 memperuntukkan bahawa;

1. Dakwaan oleh seseorang yang dikenali sebagai kaya bahawa dia telah menjadi papa tidaklah mencukupi untuk membuktikan dakwaannya kecuali jika ia disokong oleh keterangan tiga orang saksi lelaki.
2. Dalam hal melihat anak bulan, keterangan seorang lelaki yang 'adil adalah mencukupi untuk membuktikan fakta itu.
3. Keterangan seorang lelaki hendaklah menjadi bukti yang mencukupi dalam hal keadaan keterangan seorang guru dalam hal yang melibatkan murid sekolah, keterangan pakar dalam menilai barang rosak, keterangan tentang penerimaan dan penolakan saksi, pemberitahuan mengenai pemecatan wakil dan keterangan tentang kecacatan dalam mana-mana barang bagi jualan.
4. Keterangan seorang perempuan adalah mencukupi untuk membuktikan apa-apa fakta yang biasanya dilihat oleh atau dalam pengetahuan seorang perempuan.
5. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam seksyen ini, keterangan hendaklah diberikan oleh dua orang saksi lelaki atau oleh seorang saksi lelaki dan dua orang saksi perempuan.

Sementara itu, bilangan saksi menurut fiqh adalah berlainan dalam kes-kes tertentu terutamanya kes hudud dan qisas. Bilangan saksi bagi kes-kes tertentu adalah menurut Ibn Qudamah (1996) memberikan pendapat bahawa di dalam kes-kes hudud hanya menerima kesaksian oleh dua orang saksi lelaki. Selain itu, menurut Ibn Rushd (2004) pula, para ulama menerima kesaksian seorang lelaki dan dua orang perempuan atau dua orang saksi lelaki dalam kes berkaitan harta. Sementara itu juga, menurut Ahmad Ibrahim Bek (1985) menjelaskan bahawa kes untuk mensabitkan jenayah zina adalah empat orang saksi lelaki. Sehubungan dengan itu, bagi pensabitan kes-kes ta'zir di Mahkamah Syariah hanya memerlukan seorang saksi lelaki yang cukup syarat (Suhaizad Saifuddin 2021) dan tidak memerlukan bilangan saksi empat orang lelaki bagi kes zina kerana hukumannya berbentuk ta'zir (Zulfakar Ramlee Saad, 2015).

### **KONSEP PEMBUKTIAN**

Pembuktian merupakan suatu elemen yang penting di dalam prosiding Mahkamah. Pembuktian di dalam Kamus Dewan Edisi Keempat bermaksud perbuatan, usaha dan sebagainya untuk membuktikan. Kaedah pembuktian di Malaysia adalah berpandukan Akta atau Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Negeri bagi kes-kes di Mahkamah Syariah manakala bagi kes-kes di Mahkamah Sivil adalah berpandukan Akta Keterangan 1950. Kaedah-kaedah pembuktian di dalam Islam yang telah dibincangkan oleh Abdul Karim Zaidan (2002) iaitu antaranya adalah pengakuan, kesaksian, sumpah, keengganan bersumpah, pengetahuan hakim, keterangan keadaan, *al-Qasamah*, *al-Qiyafah* dan *al-Qur'ah*.

Sementara itu, perbincangan mengenai darjah pembuktian juga perlu diberi penekanan selain beban pembuktian. Hal ini adalah kerana darjah pembuktian yang diukur dengan tepat dapat memberikan keadilan kepada pihak-pihak sebagaimana kaedah fiqh iaitu "keyakinan tidak boleh dihilangkan dengan keraguan (syak)" dan kaedah "pada asalnya seseorang itu bebas daripada sebarang tanggungan" (al-Hariri, 1998). Terdapat empat tahap pembuktian di dalam Islam iaitu *yaqin*, *zann*, *syak* dan *waham* (Ashraf Md Hashim, 2001). Menurut kajian Suhaizad Saifuddin (2021), terdapat isu yang timbul mengenai pemakaian darjah pembuktian di dalam kes-kes jenayah di Mahkamah Syariah

kerana tiada peruntukkan dan ketidakpakaian doktrin yang mengikat mengenai darjah pembuktian terutamanya di dalam kes hudud. Menurut pandangannya lagi, pemakaian darjah pembuktian *zann al ghalib* adalah bersesuaian kerana kes-kes jenayah di negara ini dikategorikan di bawah kesalahan ta'zir. Selain itu, darjah pembuktian di dalam kes-kes mal pula boleh mencapai tahap *yaqin* sebagaimana di dalam kes *Teh bt. Ngah lwn Limah bt. Ismail & Ors, [2011] 4 SHLR 64*, namun di dalam kes mal hanya memerlukan darjah pembuktian di tahap *zann* sebagai tahap minimum (Ruzman Md Noor & Mohd Istajib Mokhtar, 2020).

Antara isu dan persoalan berkaitan pembuktian di Mahkamah Syariah adalah pemakaian istilah *bayyinah* dan *syahadah* kerana timbul kekeliruan akan kedudukannya sama ada tafsiran bayyinah dan syahidah tersebut mempunyai maksud umum atau khusus (Suhaizad Saifuddin et al., 2019). Selain itu juga, peruntukkan berkaitan *tazkiyah al-syuhud* untuk mengesahkan keadilan seorang saksi menimbulkan persoalan kepada pengkaji akan keperluannya kerana secara realitinya tiada pemeriksaan rahsia dijalankan ke atas saksi di Mahkamah Syariah (Suhaizad Saifuddin et al., 2019; Zulfakar Ramlee Saad, 2015). Sementara itu, di dalam kajian Zulfakar Ramlee Saad (2015) juga telah mengutarakan isu dan persoalan mengenai ketiadaan amalan *tazkiyah al syuhud* sebagaimana statut adalah kerana secara amalnya saksi dianggap *bayyinah*. Selain itu juga, menurut kajian tersebut juga timbul persoalan mengenai kesaksian (*al-syahadah*) di dalam kes jenayah iaitu keperluan penjelasan bilangan saksi terutamanya bagi kes hudud dan zina kerana secara amalan hukumannya yang hanya berbentuk takzir di dalam statut.

#### **KETERANGAN OLEH KANAK-KANAK DI BAWAH UMUR 18 TAHUN DI MAHKAMAH SYARIAH DI MALAYSIA**

Secara umumnya, kanak-kanak tidak layak untuk memberikan kesaksian dalam kategori syahadah. Hal ini adalah kerana saksi kanak-kanak tidak dapat diterima kesaksiannya sama sekali menurut pandangan al-Syafi'i, Imam Abu Hanifah dan sebahagian pengikut Imam Ahmad bin Hanbali (Abdul Karim Zaidan, 1988) berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 282:

﴿.. وَأَسْتَشْهِدُوا شَهِيدَيْنِ مِنْ رِجَالِكُمْ...﴾

Maksudnya: ... Dan hendaklah kamu mengadakan dua orang saksi lelaki dalam kalangan kamu ... (al Quran. Al Baqarah: 282)

Berdasarkan pendapat al-Qurtubi (1942), perkataan "lelaki dalam kalangan kamu" di dalam ayat tersebut adalah mengecualikan kanak-kanak daripada memberikan kesaksian.

Namun, pengkaji mendapati terdapat dua kategori kanak-kanak yang akan dibincangkan di bawah yang sama ada diterima sebagai *syahadah* atau *bayyinah* iaitu keterangan kanak-kanak yang telah baligh dan juga keterangan kanak-kanak yang belum baligh.

#### **1. Keterangan kanak-kanak telah baligh di bawah umur 18 tahun**

Di dalam Mahkamah Syariah, statut berkenaan keterangan saksi kanak-kanak tidak dinyatakan secara terperinci namun hanya membahaskan mengenai kelayakan saksi. Menurut Akta Keterangan Mahkamah Syariah di dalam Seksyen 83 (1) menyatakan bahawa:

Tertakluk kepada peruntukan seksyen ini, semua orang Islam adalah kompeten untuk memberikan syahadah atau bayyinah sebagai saksi dengan syarat bahawa mereka adalah 'aqil, baligh, 'adil, mempunyai ingatan yang baik dan tidak berprasangka.

Dengan itu, tidak dapat dinafikan bahawa keterangan kanak-kanak di bawah 18 tahun yang telah baligh dan layak berpandukan statut boleh diterima sebagai *syahadah*. Dengan itu, sekiranya kanak-kanak tersebut telah baligh, maka penyampaian kesaksian kanak-kanak

yang menerima atau melihat perkara yang disaksikan tersebut boleh diterima (Amir Husin Mohd Nor et al., 2019). Namun begitu, berdasarkan pengamatan pengkaji mendapati bahawa belum ada kajian yang mengenalpasti mengenai pengamalan Mahkamah Syariah dalam menerima *syahadah* kanak-kanak. Sehubungan dengan itu, melalui tinjauan kajian-kajian lepas telah dirumuskan oleh Azizah Mohd Rapini dan Ruzman Md Noor (2016) bahawa tiada kajian yang mengkaji berkenaan penerimaan saksi kanak-kanak di Mahkamah Syariah.

## **2. Keterangan kanak-kanak belum baligh di bawah umur 18 tahun**

Kesaksian kanak-kanak boleh diterima dalam keadaan tertentu dengan bersyarat seperti *mumayyiz* menurut Imam Malik. Selain itu, pengikut mazhab Imam Ahmad juga berpandangan untuk menerima kesaksian kanak-kanak dengan bersyarat seperti telah berumur 10 tahun dan *mumayyiz* ('Abd al-Qadir 'Awdah, t.t).

Di dalam Mahkamah Syariah, statut hanya membahaskan mengenai kelayakan saksi yang boleh merujuk kepada kanak-kanak yang belum baligh boleh memberikan *bayyinah*. Menurut Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) di dalam Seksyen 83(4) menyatakan bahawa

Seseorang yang belum *baligh* atau seseorang yang tak sempurna akal adalah kompeten untuk memberikan *bayyinah* tetapi tidak kompeten untuk memberikan *syahadah*.

Dengan itu, berdasarkan statut tersebut keterangan kanak-kanak yang belum baligh boleh memberikan *bayyinah*. Sebagaimana contoh, merujuk kepada kes *Maznah bt Kassim lwn. Othman bin Nordin* [2007] 3 ShLR 112, keterangan kanak-kanak di dalam kes ini telah diterima oleh Mahkamah sebagai *bayyinah*. Walau bagaimanapun, hujah penerimaan keterangan saksi kanak-kanak boleh berpandukan pandangan Ibn Qayyim yang menekankan konsep *bayyinah* dan juga selaras dengan kaedah fiqh 'kesukaran menjadi sebab kepada kemudahan dan keringanan' supaya dapat memelihara hak dan kepentingan pihak-pihak yang terlibat (Fathin Shahirah Abd Rahim, 2022). Oleh itu, penerimaan saksi kanak-kanak tidak wajar untuk ditolak sekiranya saksi kanak-kanak tersebut memenuhi kelayakan untuk memberikan *syahadah* atau *bayyinah* dalam keadaan yang memerlukan di dalam Mahkamah Syariah bagi menegakkan keadilan selain dapat membantu Hakim untuk membuat penghakiman sama ada di dalam kes-kes mal atau jenayah.

## **3. Isu berkaitan keterangan oleh kanak-kanak di Mahkamah Syariah**

Terdapat beberapa isu dan persoalan yang telah dikupaskan oleh pengkaji lepas berkaitan keterangan saksi kanak-kanak. Antaranya adalah pengemukaan saksi kanak-kanak oleh pengamal perundangan hanya terhad kepada kes hadhanah untuk menjaga kemaslahatan kanak-kanak memandangkan kanak-kanak tidak selesa semasa pemeriksaan saksi oleh peguam (Azizah Mohd Rapini, 2017). Selain itu, juga pengendalian keterangan kanak-kanak perlu diberi penilaian semula di Mahkamah Syariah kerana keterangan daripada kanak-kanak dapat membantu Hakim dalam membuat penghakiman memandangkan di dalam kes kekeluargaan kanak-kanak mengetahui darar yang berlaku di dalam rumah (Zaini Nasohah et al., 2017). Sehubungan dengan itu juga, pengkaji tersebut juga menyatakan bahawa tiada peruntukkan yang khusus mengenai cara pengendalian keterangan kanak-kanak di Mahkamah Syariah, tiada format yang khusus untuk menilai kecerdikan kanak-kanak semasa memberi keterangan dan juga tiada penyediaan suasana yang kondusif seperti kemudahan sokongan untuk membantu kanak-kanak memberikan keterangan dengan lebih selesa dan tenang. Pandangan Muhammad Hafiz Mohd Shukri et al. (2014) juga turut mencadangkan supaya memperuntukkan statut yang khusus dalam mengendalikan keterangan saksi kanak-kanak seperti tidak membenarkan soalan-soalan pemeriksaan saksi kepada kanak-kanak yang tidak bersesuaian dengan umur dan tahap kefahaman kanak-kanak tersebut. Hal ini adalah kerana kanak-kanak memerlukan perlindungan khas semasa memberikan keterangan memandangkan mereka tidak matang seperti orang dewasa

(Mohd Al-Adib Samuri et al., 2012). Dengan itu, pelaksanaan dalam amalan menerima keterangan saksi kanak-kanak sama ada *bayyinah* mahupun *syahadah* perlu ditambah baik supaya keadilan dapat ditegakkan dan demi menjaga kemaslahatan masing-masing pihak dalam sesuatu kes.

## **PENUTUP**

Secara keseluruhannya, penulis mendapati bahawa walaupun darjah pembuktian di dalam sesuatu kes memerlukan tahap *yaqin*, keterangan saksi kanak-kanak yang telah baligh tidak patut diabaikan sekiranya mereka memenuhi kelayakan saksi menurut syarak. Hal ini adalah kerana mereka boleh diterima sebagai *bayyinah* sekiranya mereka tidak layak untuk memberikan *syahadah*. Sementara itu, pengamal perundangan di dalam Mahkamah Syariah juga berpegang kepada konsep *bayyinah* dalam mengemukakan beban pembuktian kerana konsep *bayyinah* lebih luas dan terbuka. Selain itu juga, penerimaan saksi kanak-kanak dapat memelihara hak kanak-kanak di dalam prosiding Mahkamah sama ada sebagai mangsa atau saksi selaras dengan Konvesyen Kanak-Kanak yang diratifikasikan oleh Malaysia. Oleh itu, terdapat pelbagai tindakan yang dapat dilakukan berdasarkan garis panduan pengkaji-pengkaji lepas dalam keperluan melindungi kanak-kanak di dalam Mahkamah Syariah demi pemeraksanaan Mahkamah Syariah agar dapat menegakkan keadilan dan membanteras kezaliman.

## **RUJUKAN**

### **Akta**

Akta Kanak-Kanak 2001

Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997

Akta Umur Dewasa 1971

### **Buku**

'Abd al-Qadir 'A. (t.t). *Tashri' al-Jinaiy al-Islamiy*. Dar al-Kitab al-'Arabi, h. 397

Abd al-Mutalib, A. R. H. (2007). *Al-Da'wa wa Ithbatiha fi al-Fiqh al-Jina'i al-Islami*. al-Iskandariyyah: Dar al-Fikr al-Jaami', h. 21.

Abdul Karim, Z. (2002). *Nizam al-Qada'*. Lubnan: Muassasah al-Risalah.

Ahmad Ibrahim, B. (1985). *Turuq al-Ithbat al-Shar'iyah*. Dar al-Fikr.

al-Hariri. (1998). *Al-Madkhal Ila Al-Qawa'id Al-Fiqhiyyah Al-Kulliyah*. Amman: Dar 'Ammar, h. 129.

al-Qurtubi, A. A. M. (1942). *Al Jami'li Ahkam al-Qur'an*. Jld. 3, h. 389. Bayrut.

al-Suyuti, J. A. R. (t.t). *al-Ashbah wa al-Naza'ir fi Qawa'id wa Furu' Fiqh al-Shafi'iah*. Kaherah, h. 240.

Amir Husin, M. N., Zuliza, K. & Che Maryam, A. (2019). Kesaksian Dalam Undang-Undang Keterangan Islam. Al-Syariah: Undang-Undang Keterangan Islam. Ed. Ke-2, Jld. 3, h. 32-67.

Elliot, D. W. (1980). *Manual of Law Evidence*. London: Sweet and Maxwell.

Ibn Qudamah. (1996). *Al Mughni*. Al-Qaherah: Dar al-Hadith

Ibn Rushd, M. A. (1998). *Al-Bayan wa al-Tahsil*. Bayrut: Dar al-Gharb al Islamiy.

Mahmud Saedon, A. O. (2003). Undang-Undang Keterangan Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

### **Jurnal**

Al-Adib Samuri, M., Kusrin, Z. M., Omar, A. F., Awal, N. A. M., & Md, F. (2012). Legal issues in sentencing child offenders in Malaysia. *Advances in Natural and Applied Sciences*, 6(7), 1093-1098.

Markom, R., & Muhamad, M. M. (2019). Kaedah pembuktian dalam undang-undang keterangan Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil di Malaysia: Suatu kajian perbandingan. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 31(1), 1-34.

- Mohd Shukri, M. H., & Hassan, M. K. H. (2014). Should a child be allowed to give evidence? The position of child evidence under civil and Islamic laws in Malaysia. MPRA No. 60173. <https://mpra.ub.uni-muenchen.de/60173/>
- Noor, R. M. (2008). Kesaksian dalam Konteks Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah di Malaysia: Analisis dari Perspektif Mazhab Syafi'i. *Jurnal Fiqh*, 5, 143-167.
- Noor, R. M., & Mokhtar, M. I. (2020). Ulasan Kes: dari Aspek Pembuktian. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 26(1), 130-146.
- Rapini, A. M., & Noor, R. M. (2016). Syadah Dalam Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur. *Journal of Shariah Law Research*, 1(1) 41-74.
- S. Saifuddin. (2021) Perlindungan Kanak-Kanak Berdasarkan Maqasid Al-Shari'ah dan Undang-Undang Syariah di Malaysia. Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia: Teori, Amalan dan Pelaksanaan. H. 171-186.
- S. Z., Md Nor. (2019). Aspek Dalam Undang-Undang Keterangan Islam
- Saad, Z. R. (2015). Pembuktian dalam Kes Jenayah Syariah Malaysia: Isu dan Penyelesaian. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 27(1), 122-142.

### **Kes**

*Akmar binti Aminuddin v. Amanah Raya Berhad*  
*Maznah bt Kassim v. Othman bin Nordin*  
*Re Mustapha bin Ismail*  
*Teh bt. Ngah v. Limah bt. Ismail & Ors*

### **Laman Sesawang**

Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (t.t)  
<https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Dokumen/Dokumen%20CRC/Booklet%20Konvensyen%20CRC%20-%20BM.pdf> (diakses pada 7 Mei 2024).

### **Persidangan & Prosiding**

- Azizah Mohd Rapini (2021). Hubungan kait Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah dengan *Maqadis Syariah* dan Kepentingannya dalam alasan penghakiman Mahkamah Syariah di Malaysia. International Conference On Syariah & Law2021(ICONSYAL 2021). 150-160.
- Azizah Mohd Rapini. (2017). *Pengendalian Saksi di Mahkamah Syariah: Kajian terhadap cabaran pelaksanaan teori dan amalan*. Proceeding of 2nd International Conference on Law, Economics and Education (ICONLEE), 13-14 Disember 2017. H. 85-94
- Jal Zabdi Mohd Yusoff. (2007). Keterangan kanak-kanak kenapa? Tidak percaya ke? Law Conference 2007, 18-20, April. Sintok, Kedah.
- Suhaizad Saifuddin. (2021). *Darjah Pembuktian Bagi Kesalahan Hudud Di Bawah Enakmen Jenayah Syariah Di Malaysia: Yaqin Atau Zan Al-Ghalib?* INSLA E-Proceedings, 4(1), 32-41.
- Zaini, N., Nurbazla, I., Abu, S. (2017). *Justifikasi Keperluan Penilaian Semula Pengendalian Keterangan Kanak-Kanak di Mahkamah Syariah untuk Kes-Kes Kekeluargaan*. The International Seminar on Islamic Jurisprudence in Contemporary Society (Islac 2017).

### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*